

22/09/2003

Pemuda Umno diminta bukti kemampuan teruskan perjuangan

KUALA LUMPUR: Ahli Pemuda Umno diminta membuktikan kemampuan pergerakan itu meneruskan perjuangan parti selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata ahli pergerakan itu mesti membuktikan pengorbanan dan keringat yang dicurahkan Dr Mahathir bagi mengangkat martabat bangsa di mata dunia tidak sia-sia dengan cara memberikan komitmen bagi meneruskan perjuangan Perdana Menteri.

"Waktu peralihan kuasa ini adalah masanya untuk membuktikan kepada Dr Mahathir bahawa kita mampu meneruskan perjuangan yang belum selesai.

"Walaupun beliau berundur, anak muda dalam parti ini akan terus berjuang dan memastikan bukan menang dengan majoriti dalam pilihan raya akan datang tetapi juga dengan lebih cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan hadiah pertandingan akhir Debat Piala Presiden Umno anjuran pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Dalam pertandingan debat ala-Parlimen yang julung kali diadakan itu, pasukan Pemuda Umno Perak muncul sebagai johan selepas menewaskan Pemuda Umno Pulau Pinang, manakala Pemuda Umno Melaka dan Selangor pula diumumkan pemenang bersama tempat ketiga.

Johan pertandingan itu menerima RM2,000, Piala Pusingan Presiden Umno, piala iringan dan sijil; naib johan pula mendapat RM1,000, piala iringan dan sijil manakala tempat ketiga RM500, piala iringan dan sijil.

Ketua Pasukan Pemuda Umno Perak, Nizamudin Mat Isa, pula diumumkan pendebat terbaik serta menerima Piala Ketua Pemuda Umno.

Hishammuddin berkata, program debat itu diadakan tepat pada masanya kerana pilihan raya akan berlangsung pada bila-bila masa serta sewaktu pihak pembangkang bercakaran sesama mereka di samping melakukan banyak kesilapan dan tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan.

Katanya, program itu yang bertujuan menyediakan barisan pelapis penceramah Pemuda Umno bertujuan menyedarkan ahlinya bahawa perjuangan politik mesti berasaskan hujah yang bernas.

"Bagaimanapun hujah yang bernas ini tidak akan dapat disampaikan kepada orang ramai tanpa kaedah dan cara yang terbaik," katanya.